

SOALAN NO: 418

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA
[BATU]**
RUJUKAN : BL10 [PR-1352-T00997]
SOALAN :

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan apakah bajet yang diperuntukkan bagi pembaikan jalan di sepanjang Parlimen Batu untuk tahun ini. Sila senaraikan mengikut kawasan di mana jalan telah ditetapkan dan belum ditetapkan untuk tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Batu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah membelanjakan sebanyak RM5,447,268.75 di Parlimen Batu untuk program pembaikan dan penurapan jalan sepanjang setahun yang lalu di 34 lokasi serta kawasan sepanjang 170.22 kilometer lorong (*lane*).

DBKL juga akan membelanjakan anggaran sebanyak RM2.5 juta sebelum akhir tahun 2017 untuk kerja-kerja penurapan jalan di Parlimen Batu.

Antara lokasi yang terlibat termasuklah:

- (i) Jalan Kuching / Jalan Ipoh - 14.15 kilometer
- (ii) Kg. Batu Muda - 1.42 kilometer
- (iii) Jalan Ipoh Kecil - 1.82 kilometer
- (iv) Tasik Sri Murni - 1.6 kilometer
- (v) Taman Mastiara - 1.9 kilometer
- (vi) Taman Koperasi Polis - 0.95 kilometer
- (vii) Bandar Baru Sentul - 0.25 kilometer
- (viii) Taman Tasik Indah - 2.02 kilometer